

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Jun

2½ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/2 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang keistimewaan-keistimewaan pokok kari dan cara-cara menggalakkan penanaman pokok kari bagi tujuan komersial. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pokok kari atau nama saintifiknya, *Murayya Koenigii* ialah tumbuhan herba yang berasal daripada keluarga Rutaceae. Pokok renek yang berasal dari benua kecil India ini sangat istimewa. Setiap bahagian pokok kari terutama daunnya mempunyai banyak kegunaan. Antaranya, daun kari digunakan sebagai bahan perisa dalam masakan sama ada dalam bentuk daun segar, kering atau serbuk.

Banyak kajian saintifik dilakukan untuk mengkaji potensi minyak pati daripada daun kari kerana daun ini mengandungi *pinena*, *sabinena*, *kariofillena*, *kadino* dan *kadinena* yang menghasilkan aroma. Minyak pati daun kari penting dalam penyediaan produk-produk kecantikan seperti losen, minyak urut, pewangi dan produk aromaterapi. Selain itu, daun kari boleh diproses untuk dijadikan tonik rambut. Cara penghasilannya, daun kari dididihkan bersama-sama minyak kelapa sehingga menjadi tonik yang berwarna kehitam-hitaman. Tonik tersebut dapat digunakan untuk merawat rambut yang bermasalah dan mengekalkan pigmentasi, iaitu warna asli rambut secara semula jadi.

Daun kari yang mengandungi kalsium yang tinggi juga sesuai dimakan oleh semua peringkat umur khususnya kanak-kanak kerana dapat membantu proses tumbesaran dan pembentukan tulang. Dalam kalangan masyarakat yang berusia pula, pengambilan daun kari berupaya untuk mengurangkan masalah osteoporosis. Kaedah ini merupakan alternatif bagi mendapatkan kalsium yang lebih murah dan senang diperolehi. Anggaran 46.65 mg/L kandungan kalsium terdapat dalam beberapa tangkai daun kari yang dikeringkan secara optimum. Seterusnya, pokok kari bermanfaat untuk mengawal penyakit diabetes. Dalam hal ini, penghidap diabetes disarankan supaya makan 10 helai daun kari setiap hari untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan. Mereka juga disarankan supaya minum air rebusan kulit batang pokok kari yang dikeringkan. Di samping itu, daun kari segar dapat dijadikan sebagai ubat penyakit bawaan air seperti disentri dan taun dengan cara dimakan begitu sahaja atau dijadikan ulam.

Akar pokok kari pula boleh digunakan untuk merawat kulit melelas dan sengatan binatang berbisa setelah dijadikan pes dengan cara disapu pada bahagian kulit yang bermasalah. Penyelidikan membuktikan bahawa tanin dan *alkaloid carbazole* yang ada dalam daun kari membantu untuk melindungi hati daripada pelbagai penyakit seperti hepatitis dan sirosis. Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan oleh pakar biokimia tempatan untuk mengoptimalkan potensi keseluruhan pokok kari agar produk yang terbaik dapat dihasilkan, seterusnya memberikan kebaikan kepada manusia sejagat. Dalam hal ini, usahawan tani perlu merebut peluang dengan mengusahakan tanaman pokok kari yang mempunyai potensi besar dalam bidang pemakanan dan perubatan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Khasiat Daun Kari'  
oleh Khairul Adli Nikman  
Dewan Kosmik, Februari 2017

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mempunyai potensi*. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan bahawa terdapat beberapa cara pokok kari digunakan untuk merawat penyakit.

Nyatakan cara-cara tersebut. [3 markah]

(iii) Penggunaan bahan berasaskan herba terbukti berkesan dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk menggalakkan rakyat supaya menggunakan bahan berasaskan herba dalam bidang tersebut? [4 markah]



**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dalam diam-diam, sebenarnya kami juga ingin tahu, apatah lagi setelah menyedari kehadiran anak gadis Tuan Booth di surau, setiap kali Ahmad Mutawakkil balik ke kampung untuk berceramah.

Perlahan-lahan – barangkali dilemahkan oleh rasa malu kepada diri sendiri kerana sibuk menjaga tepi kain orang – di mata kami, misteri cinta itu akhirnya lenyap tak berjejak.

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita ...”

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangnya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejarah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan cerpen tersebut, mengapakah Ahmad Mutawakkil jarang-jarang balik ke kampung? [2 markah]
- (ii) Semangat patriotisme penting dalam pengisian kemerdekaan sesebuah negara dan perlu dipupuk sejak sekolah lagi.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya. Maka ia pun kembali pada tempatnya singgah itu.

Maka hari pun sianglah. Maka saudagar itu pun gemparlah mengatakan dirinya kecurian.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.”

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah, *datanglah pula bala* atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggong, “Hai Temenggong, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggong pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *datanglah pula bala*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi-reaksi baginda setelah mendengar aduan daripada saudagar dan orang kaya-kaya. [3 markah]
- (iii) Kes kecurian harta benda perlu dicegah dengan cara yang berkesan.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil untuk mengelakkan berlakunya kes kecurian? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2(d) – Petikan Puisi Tradisional**

Baca petikan syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR BIDASARI**

Dengarkan tuan suatu riwayat,  
Raja di desa Negeri Kembayat,  
Dikarang fakir dijadikan hikayat,  
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri,  
Sultan halifah akas bestari,  
Asalnya baginda raja yang bahari,  
Melimpah ngadil dagang senteri.

Hairan orang empunya temasya,  
Baginda itulah raja perkasa,  
Sangat tiada merasai susah,  
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari,  
Setelah ia sudah beristeri,  
Beberapa bulan beberapa hari,  
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,  
Baginda duduk bersuka-sukaan,  
Datanglah *beroleh kedukaan*,  
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa,  
Melayanglah unggas dari angkasa,  
*Unggas gurda sangat perkasa*,  
*Menjadi negeri rosak binasa*.

Dipetik daripada 'Syair Bidasari'  
Jamilah Hj. Ahmad (Penyelenggara)  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berikan maksud *beroleh kedukaan*. [2 markah]

(ii) *Unggas gurda sangat perkasa,  
Menjadi negeri rosak binasa.*

Dua baris syair di atas bermaksud sesebuah negeri telah musnah akibat dilanda bencana.

Pada pandangan anda, apakah kesan-kesan yang dihadapi oleh rakyat negeri tersebut? [4 markah]

(iii) Nyatakan **dua** persoalan yang terdapat dalam **rangkap 1 hingga rangkap 4** syair tersebut. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah



**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) bentuk
- (ii) bidang
- (iii) gugus
- (iv) kuntum
- (v) ruas
- (vi) sisir

[6 markah]

(b) **Tukar ayat bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Jika kita mahu mengelakkan krisis bekalan makanan pada masa depan kegiatan pertanian mesti diutamakan.
- (ii) Berjaya juga akhirnya atlet lompat tinggi itu setelah beberapa kali gagal dalam percubaannya.
- (iii) Bagi memastikan majlis makan malam amal anjuran PUSPANITA itu berjalan dengan lancar kerjasama semua pihak amat diperlukan.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Segala derma yang diperoleh daripada kutipan itu akan disalur secara berperingkat ke intitusi kebajikan anak-anak yatim.
- (ii) Pada era globalisasi, pengkongsian maklumat menjadi semakin mudah dengan adanya e-mel, faksimili dan pelbagai laman sesawang.
- (iii) Sokongan ahli keluarga amat penting kepada setiap individu untuk memilih profesyen yang sesuai dengan minat, kebolehan dan kelayakkan mereka.

[6 markah]



(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ayah membeli tiga helai stoking untuk dipakai oleh adik yang akan menyertai persaingan boling peringkat negeri.
- (ii) Mangsa dan saksi kejadian kemalangan jalan raya itu pihak polis panggil untuk disoal jawab sebelum kes tersebut dibicarakan.
- (iii) Semua produk kesihatan yang ingin dipasarkan perlu mendapat penghormatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tidak menjejaskan kesihatan pengguna.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Kemajuan pesat dalam bidang perindustrian telah menyebabkan banyak kilang baharu didirikan di sesuatu kawasan. Pembinaan kilang-kilang ini telah menjadi tumpuan penduduk sekitarnya untuk mencari rezeki dan sumber pendapatan. Kemajuan bidang ini turut mendorong orang luar datang menetap di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, sebagai orang luar mereka perlu menyesuaikan diri dengan adat dan budaya setempat agar keharmonian dapat dikekalkan.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan **dua** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** nilai pengorbanan yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**